

HARIAN METRO – ISNIN 4 DISEMBER 2017



MOHD Nazrisa Arizal (kiri) pada Majlis Pelancaran Karnival Prihatin 2017 & Fun Run OKU Sahabatku di Kepong.

Berkerusi roda sertai larian OKU

Kepong: Dilabel sebagai orang kurang upaya (OKU) fizikal yang bergantung pada kerusi roda tidak melunturkan semangat Mohd Nazrisa Arizal Mat Saad, 35, untuk menyertai larian Fun Run OKU Sahabatku sejauh 3.5 kilometer.

Katanya, ia bukanlah aksi kali pertama kerana turut berpengalaman menyertai larian marathon dalam negara sebelum ini.

“Kawasan taman yang luas membolehkan peserta OKU bersaing sesama mereka na-

mun ada sebahagian jalan memperlakukan rentak kami kerana terpaksa mengharungi bumper,” katanya ketika ditemui pada Karnival Prihatin sempena Hari OKU Sedunia di Taman Layang-Layang, Metropolitan, di sini, semalam.

Pada karnival berkenaan, lebih 300 warga OKU, orang ramai serta 60 atlet paralimpik negara menyertai larian Fun Run OKU Sahabatku sebagai tanda sokongan kumpulan itu.

Hadir sama, Penggerusi Ya-

yan Prihatin Insan (YPI) Sri Ishak Ismail dan Ahli Lemba Pemegang Amanah YPI Ir Ismail Abdul Rahman.

Dia yang mula berkerusi roda pada 2012 berkata, larian sebegini dapat mengeratkan lagi komuniti OKU dan memberi pendedahan kepada keluarga OKU untuk turut serta.

“Saya berharap lebih ramai OKU di luar sana bergerak aktif dengan menyertai aktiviti sebegini di masa akan datang,” katanya ketika di-